

14 AUG 1997

Mahathir-Tangga (Bergambar)

MAHATHIR LAWAT PROJEK TANGGA KENARI KE PUNCAK GUNUNG JERAI

YAN, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang melakukan lawatan kerja sehari ke Kedah hari ini meninjau projek pembinaan tangga ke puncak Gunung Jerai setinggi 1,200 meter di sini.

Projek yang dikenali sebagai "Tangga Kenari-Seribu Tahun," di Titi Hayun itu ialah bagi membina tangga mengandungi kira-kira 10,000 anak tangga sepanjang 4.7 km dari kaki gunung itu hingga ke puncaknya.

Semasa lawatan itu Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid turut bergotong-royong bersama penduduk dan pekerja mengangkut bahan binaan untuk projek itu.

Beliau turut mendaki sehingga ke penghujung anak tangga yang telah disiapkan, tanpa kelihatan penat.

Projek itu kini telah menyiapkan kira-kira 400 anak tangga.

Projek yang bermula Mei lepas itu dijangka siap dalam tempoh tiga tahun dengan pembiayaan oleh pihak swasta.

Apabila siap kelak tangga itu dicadang untuk dicatatkan dalam rekod dunia sebagai tangga yang mempunyai bilangan anak tangga yang terbanyak.

Sebelum itu Dr Mahathir melawat bangunan baru Muzium Negeri di Alor Setar yang hampir siap dibina.

Bangunan itu yang terletak di kawasan seluas 1.2 hektar bersebelahan bangunan muzium yang ada sekarang, kini lebih 90 peratus siap dan dijangka beroperasi awal tahun depan.

Pembinaannya melibatkan kos RM8.3 juta.

Selepas itu Dr Mahathir ke Jalan Sultanah melawat Rumah Rakan Kedah yang bakal dijadikan pusat kegiatan media dan perkampungan digital di samping melihat pameran mengenai pembangunan negeri Kedah.

Perkampungan digital itu mampu menempatkan pelbagai teknologi maklumat terkini di bandar ini untuk mempromosikan peluang-peluang pelaburan modal di Kedah. -- BERNAMA

MZM MN NMO